

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**

17 APRIL 2020

PERKARA : 5(B)(XVII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

12. Pelaksanaan *Smart City*:

- (a) Apakah kedudukan perancangan Kerajaan Negeri ke arah pelaksanaan *Smart City*?
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan membantu golongan kurang upaya dan warga emas yang tiada kemahiran IT untuk pelaksanaan sistem *Penang Smart Parking*?
- (c) Berapakah hasil kutipan parkir yang diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun kebelakangan ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. (a) Dalam hasrat Kerajaan Negeri menerajui teknologi Industrial Revolution (IR) 4.0, pembangunan Bandar Pintar adalah menjadi faktor utama dalam memastikan Negeri Pulau Pinang selaras dengan Visi Penang2030: *A Family-Focused, Green & Smart State that inspires the Nation*. Oleh itu, bagi memastikan hasrat ini terlaksana dan selari dengan Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Kerajaan Negeri telah menetapkan hala tuju Negeri Pintar merangkumi (4) teras strategik iaitu Tadbir Urus, Rakyat, Data dan Infrastruktur.

Bagi aspek tadbir urus, Jawatankuasa Negeri Pintar Pulau Pinang telah ditubuhkan sejak tahun 2017 yang dipengerusikan oleh Pengurus MMK Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa bagi menyelaras dan memastikan inisiatif-insiatif Negeri Pintar berjalan dengan lancar. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Digital Penang

Corporation sebagai satu mekanisme untuk menyelaraskan usaha Negeri Pintar dengan penglibatan sektor swasta.

Penglibatan rakyat di dalam pembangunan Negeri Pintar pula diterjemahkan dalam komponen 4P iaitu *Partnership*, *Private*, *Public & People*. Kerajaan Negeri menjalankan kerjasama erat dengan ahli akademik, penyelidik, Badan Bukan Kerajaan, pemain industri dan rakyat bagi memastikan semua golongan menyumbang kepada pembangunan Bandar Pintar di Negeri Pulau Pinang.

Pengumpulan data merupakan teras yang amat penting dalam memastikan data yang diperolehi adalah tepat, sahih dan berguna untuk rakyat dan kerajaan selaras dengan tema yang telah ditetapkan *Data Is King, Talent Is Everything*. Sebagai persediaan bagi menghadapi IR4.0, Kerajaan Negeri amat menggalakkan usaha jabatan dan agensi melalui pelaksanaan integrasi sistem-sistem, inisiatif tanpa tunai (*Cashless*) pendigitalan proses kerja, penggunaan *Internet of Things* (IoT), pengukuhan keselamatan siber, penggunaan analitis data raya (BDA), *Cloud Computing*, *machine learning*, dan *blockchain*.

Penyediaan infrastruktur Bandar Pintar di Negeri Pulau Pinang kini telah jauh lebih baik berbanding 10 tahun yang lalu. Ini adalah hasil usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai termasuk pihak swasta yang sudi melabur dalam pembangunan teknologi IR4.0 di Negeri Pulau Pinang.

Setakat ini sebanyak 58 inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam membangunkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar. Kesemua inisiatif ini akan didokumentasikan oleh pihak Bahagian Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Penang Institute (PI) dalam dokumen bertajuk Roadmap: *Penang Towards A Smart International State* yang dijangka siap pada bulan Jun 2020.

- (b) Kerajaan Negeri sememangnya amat komited dalam usaha untuk menjayakan visi Negeri Pintar di Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan projek *Penang Smart Parking* (PSP). Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga membantu golongan kurang upaya (OKU) dan warga emas yang tiada

kemahiran IT untuk menggunakan sistem *Penang Smart Parking* (PSP) seperti berikut:

- (i) Menyediakan tiket letak kereta secara e-kupon yang boleh dibeli daripada ejen-ejen yang dilantik untuk memudahkan pengguna yang tidak mempunyai telefon pintar. Setakat ini 235 ejen e-kupon di seluruh Negeri Pulau Pinang telah dilantik dengan 198 ejen di kawasan Pulau manakala 37 ejen e-kupon di kawasan Seberang Perai;
- (ii) Mendekati golongan warga emas dengan menjalankan program dan aktiviti sosial ditempat yang kerap dikunjungi warga emas seperti pasar awam, pasar malam, pusat membeli belah dan program anjuran ADUN Kawasan;
- (iii) Menyediakan kaunter pertanyaan *walk-in* berkenaan PSP pada setiap hari Khamis di kedua PBT bagi membantu warga emas dan pengguna lain yang mempunyai masalah dalam penggunaan PSP;
- (iv) Menyediakan pas percuma OKU untuk meletakkan kenderaan di tempat lerak kereta Majlis. Permohonan boleh dihantar ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang, walau bagaimanapun pemberian pas ini adalah tertakluk kepada terma san syarat yang telah ditetapkan;
- (v) Menganjurkan *Penang Smart Parking Senior Citizen Outreach Program* bersama Persatuan Rose Charity pada 2 Februari 2020 bertempat di Pusat Sumber Digital Warga Emas Pulau Pinang. Taklimat dan latihan cara penggunaan aplikasi PSP telah dijalankan semasa program ini diadakan;
- (vi) Penduduk yang tidak mempunyai telefon pintar juga boleh meminta bantuan anak-anak atau saudara-mara mereka untuk membeli atau menambah nilai tiket letak kereta; dan
- (vii) Mengedarkan borang kaji selidik bagi mengetahui permasalahan dan kekangan yang dihadapi oleh golongan warga emas dalam penggunaan PSP dan menambahbaik fungsi PSP dari masa ke semasa bagi memenuhi keperluan dan memberikan kemudahan kepada semua pihak.

(c) Hasil kutipan kutipan parkir yang diperoleh dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

Bil.	KUTIPAN	2018 (RM)	2019 (RM)	JUMLAH
1	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	7,614,827.15	8,343,448.15	15,958,275.30
2	Majlis Bandaraya Seberang Perai	5,224,775.30	5,292,917.85	10,517,693.15